

Kerjasama IMI dan Kementerian Pendidikan bagi tangani jurang kemahiran automotif

KUALA LUMPUR: Institut Industri Pemotoran (IMI) yang berpangkalan di United Kingdom akan meneruskan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menangani jurang kemahiran bidang automotif, khususnya pasaran kenderaan cekap tenaga (EEV).

Pihak IMI turut maklum dengan tuntutan semasa supaya para juruteknik dan kakitangan perkhidmatan memiliki

kemahiran baharu serta pengetahuan selaras piawaian antarabangsa dan syarat teknologi terkini khususnya bagi segmen hibrid, EEV dan trend kenderaan tanpa pemandu.

Ketua Pembangunan perniagaan IMI, Steve Scofield, berkata pihaknya juga akan terus melabur dalam sektor automotif Malaysia.

Langkah itu akan dilakukan menerusi usaha mempromosi

aspek pembangunan profesional berkemahiran untuk melahirkan lebih banyak pekerja dalam bidang teknikal serta bukan teknikal.

Ini penting bagi menghasilkan guna tenaga yang ber- pengetahuan serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Menerusi pembangunan pesat ekonomi Malaysia, kami melihat wujudnya potensi yang kukuh bagi sektor automotif di

sini, terutamanya dalam segmen pasca jualan berikutan tuntutan pembeli yang mahukan kereta mereka diselenggara sebaik mungkin," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Scofield berada di Kuala Lumpur, baru-baru ini untuk mengadakan rundingan lanjut dengan pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan pemimpin pertubuhan industri automotif mengenai sumbangan serta pengaruh latihan vokasional dan aspek akreditasi terhadap industri automotif tempatan.

IMI telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan kementerian itu tahun lalu bagi menyediakan

latihan sokongan untuk meningkatkan kemahiran kira-kira 1,000 calon latihan automotif menjelang akhir 2014, dengan tumpuan terhadap kenderaan elektrik dan hibrid. — Bernama